

Sumber : Utusan Malaysia
Tarikh : 9 Julai 2009
Mukasurat : 22

Institusi kewangan Timur Tengah, Barat usaha dapatkan 7 lesen

Liberalisasi: Bank asing berminat



ZETI AKHTAR AZIZ

Oleh AINUL ASNIERA AHSAN
ainul.ahsan@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 8 Julai – Bank Negara Malaysia (BNM) telah menerima maklum balas daripada pelbagai institusi kewangan asing yang berminat menubuhkan perbankan Islam dan konvensional di negara ini selepas pengumuman liberalisasi kewangan dua bulan lalu.

Gabenornya, Tan Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz berkata, reaksi positif itu termasuk dari institusi kewangan di Timur Tengah dan Barat yang berminat untuk mendapatkan tujuh lesen yang dibuka pada tahun ini dan 2011. “Kita sudah menerima beberapa pertanyaan dan perbincangan mengenai proses permohonan juga sedang dijalankan.

“Bagaimanapun, saya tidak dapat mengulas lanjut kerana ia masih di peringkat awal,” katanya pada sidang akhbar selepas menyampaikan ucapan di Forum Kewangan Islam Malaysia-United Kingdom di sini hari ini.

Lesen-lesen itu masing-masing melibatkan dua lesen perbankan Islam dan perbankan perdagangan pada tahun ini ma-

Lesen-lesen itu masing-masing melibatkan dua lesen perbankan Islam dan perbankan perdagangan pada tahun ini manakala tiga perbankan perdagangan bertaraf dunia pada 2011

– ZETI AKHTAR AZIZ
Gabenor Bank Negara Malaysia

manakala tiga lesen perbankan perdagangan bertaraf dunia pada 2011.

Dr. Zeti berkata, bank pusat itu dijangka terus menerima maklum balas memandangkan permohonan bagi mendapat lesen-lesen tersebut boleh dibuat sehingga Oktober ini.

Selain itu, terdapat dua institusi kewangan asing turut menyatakan hasrat untuk menjalinkan pakatan dengan institusi kewangan tempatan.